## SKEMA JAWAPAN UD 2 SET 1

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| **1a** | Senarai **dua** orang Raja Thailand yang berjaya mengekalkan kedaulatan Thailand<br><br>F1 Raja Mongkut / Raja Rama IV<br>F2 Raja Chulalongkorn / Raja Rama V | <br><br><br>1<br>1<br><br>[Mak. 2m] |
| **1b** | Jelaskan kepentingan memiliki pemimpin yang berwibawa<br><br>F1 Pentadbiran negara akan berjalan lancar<br>F2 Menjaga kedaulatan negara<br>F3 meningkatkan imej negara<br>F4 Meningkatkan perpaduan dalam kalangan rakyat<br>F5 membantu meningkatkan taraf hidup rakyat<br>F6 Keselamatan negara terjamin<br>F7 Meningkatkan hubungan diplomasi dengan negara lain<br>F8 Mendengar masalah rakyat<br>F9 membentuk negara berteknologi maju<br>F10 Meningkatkan pendidikan dalam kalangan rakyat<br>*[mana-mana munasabah]* | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 4m] |
| **1c** | Apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada gerakan nasionalisme di Thailand?<br><br>F1 Kesedaran semangat kebangsaan bermula di peringkat pemerintah.<br>F2 Berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan negara.<br>F3 Sanggup membuat perubahan ke arah yang lebih baik.<br>F4 Perpaduan memainkan peranan penting dalam sesuatu perjuangan.<br>F5 Berusaha mewujudkan jati diri masyarakat.<br>F6 Bersikap terbuka dan membawa pembaharuan.<br>F7 Melaksanakan pemodenan pentadbiran.<br>*[Mana-mana munasabah]* | <br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 4m] |
| **2(a)** | Nyatakan tugas Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?<br>F1 Meminta cadangan daripada penduduk secara bertulis atau lisan.<br>F2 Menerima memorandum bertulis daripada pelbagai pihak untuk diteliti.<br>F3 Meneliti kedudukan perlembagaan bagi negeri dalam Persekutuan, mengadap Raja-raja Melayu, Menteri Besar, Penasihat British dan pegawai British.<br>F4 Bermesyuarat dan melawat negeri Melayu dan Negeri-negeri Selat.<br>F5 Mengadakan persidangan bagi membincangkan pelbagai isu.<br>F6 Mengkaji dan membuat laporan serta cadangan membentuk perlembagaan negara merdeka. | <br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 2m] |
| **(b)** | Jelaskan kandungan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957?<br><br>i. Kewarganegaraan<br>F1 Orang yang dilahirkan dalam Persekutuan pada atau selepas merdeka akan menjadi warganegara. | <br><br>1<br>1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | F2 Kewarganegaraan melalui penguatkuasaan undang-undang/memohon didaftarkan sebagai rakyat/naturalisasi<br><br>ii. Kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan kaum lain<br>F3 Perjanjian Persekutuan menjaga kedudukan istimewa orang Melayu.<br>F4 Mengambil kira status mereka sebagai rakyat asal Tanah Melayu<br>F3 Hak masyarakat lain tetap dipelihara dan dilindungi | 1<br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Mak. 4m] |
| (c) | Mengapakah kontrak sosial tersebut perlu dipelihara dan dipertahankan?<br>F1 Menjamin keharmonian kaum<br>H1a Tidak berlaku perselisihan/wujud saling memahami/ hormat menghormati<br>H1b Kesejahteraan rakyat dapat diwujudkan<br><br>F2 Mengekalkan keamanan negara<br>H2a Perpaduan kaum dapat diperkukuh<br>H2b Memastikan pembangunan dan kemajuan negara | <br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 4m] |
| 3.<br><br>a.<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>b. | <br><br>Undang-undang bertulis di negeri Melayu banyak dipengaruhi oleh Hukum Kanun Melaka dan undang-undang Laut Melaka.<br><br>Nyatakan dua undang-undang bertulis yang terdapat di negeri-negeri Melayu tersebut.<br><br>F1 Hukum Kanun Pahang<br>F2 Undang-undang Kedah<br>F3 Undang-undang Johor<br>F4 Undang-undang 99 Perak<br><br><br>Jelaskan ciri moden dalam Perlembagaan Persekutuan<br><br>F1 Kerajaan Persekutuan<br>H1a Mewujudkan satu sistem Kerajaan Persekutuan<br>H1b laporan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyarankan Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri diberi kuasa dalam bidang tertentu<br>H1c Apabila Malaysia dibentuk,Sarawak dan Sabah di beri Beberapa autonomi<br><br>F2 Sistem Demokrasi Berparlimen<br>H2a Memperkenalkan sistem pilihanraya umum 1955<br>H2b Bertujuan memberikan kebebasan rakyat memilih pemimpin<br>H2c Rakyat menentukan kerajaan yang memerintah<br>H3d Ditubuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya<br>H4e Bertangungjawab menjalankan pilihanraya Persekutuan atau negeri<br>H5f Pilihan raya Persekutuan bagi memilih wakil bagi membentuk | <br><br><br><br><br><br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>[ Mak 2 m]<br><br><br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | Kerajaan Persekutuan<br>H6g Pilihan raya negeri bagi memilih wakil untuk membentuk Kerajaan negeri<br><br>F3 Kewarganegaraan<br>H3a Kewargenegaraan Persekutuan mula diperkenalkan pada tahun 1948,melalui Perjanjian Persekutuan Tanah melayu<br>H3b Sebelum itu tidak terdapat satu kewarganegaraan yang sama Bagi seluruh negara<br>H3c Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja<br>H3d Terdapat penduduk yang mendapat kerakyatan British sekiranya Dilahirkan di Melaka dan Pulau Pinanag<br>H3e Kemerdekaan Tanah Melayu dan Pembentukan Malaysia Melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyatnya | <br>1<br><br><br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br><br><br>[ Mak 4] |
| c. | Jelaskan kesan sekiranya rakyat tidak patuh kepada undang-undang<br><br>F1 Politik negara tidak stabil<br>F2 Negara tidak aman dan harmoni<br>F3 Imej negara di mata dunia tercalar<br>F4 Ekonomi negara akan merosot<br>F5 keyakinan Pelabur rendah<br>F6 Membantutkan usaha pembagunan ekonomi<br>F7 Sukar untuk menuju taraf negara maju<br>F8 Meningkatkan kadar pengangguran negara<br>F9 keselamatan negara sentiasa terancam.<br><br>[ Mana – mana munasabah] | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Mak 4 m] |
| 4a | Apakah matlamat Rukun Negara diperkenalkan?<br><br>F1 Mewujudkan negara yang bersatu<br>F2 Membina satu masyarakat yang adil<br>F3 Melahirkan masyarakat yang progresif<br>F4 Menjamin sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang pelbagai<br>F5 Memelihara hidup masyarakat yang demokratik | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 2m] |
| 1b | Bagaimanakah matlamat di (a) dapat dicapai ?<br><br>F1 Kepercayaan kepada Tuhan<br>H1a menjadi agama sebagai panduan hidup<br>H1b membentuk keperibadian yang baik<br>F2 Kesetiaan kepada raja dan negara<br>H2a menghormati institusi beraja<br>H2b berani mempertahankan negara<br>H2c memupuk semangat patriotisme yang teguh<br>F3 Keluhuran perlembagaan<br>H3a mematuhi dan mempertahankan perlembagaan<br>F4 Kedaulatan undang-undang<br>H4a menghormati, mematuhi penguatkuasaan undang-undang<br>F5 Kesopanan dan kesusilaan<br>H5a Sentiasa mengamalkan sikap bersopan santun | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | H5b menjalinkan hubungan baik dalam masyarakat<br><br>[Mana-mana munasabah] | 1<br><br>[Mak. 4m] |
| **1c** | Mengapakah prinsip tersebut penting?<br><br>F1 Rakyat hidup bersatu padu<br>F2 Tiada pergaduhan kaum<br>F3 Saling menghormati<br>F4 Negara kekal aman<br>F5 Menjadi agama sebagai panduan hidup<br>F6 Membentuk keperibadian yang baik<br>F7 Sentiasa mengamalkan sikap bersopan santun<br>F8 menjalinkan hubungan baik dalam masyarakat<br><br>[Mana-mana munasabah] | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 4m] |
| **SOALAN** | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
| **5a** | Apakah faktor tercetusnya Perang Dunia Kedua di Eropah?<br>F1 Kemunculan ideologi baharu<br>H1a Gerakan fasisme pimpinan Benito Mussolini<br>H1b Gerakan nazisme pimpinan Adolf Hitler<br>F2 Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles<br>H2a Jerman anggap perjanjian yang tidak adil<br>H2b Menjejaskan kedaulatannya negara<br>F3 Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa<br>H3a Gagal memastikan keamanan dunia<br>H3b Konflik berterusan | <br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 2m] |
| **5b** | Jelaskan peristiwa perang di (a) ?<br><br>F1 Penaklukan Jerman terhadap Eropah Barat<br>H1a Jerman memulakan serangan Blitzkrieg bagi menakluki negara di Eropah Barat<br>H1b Jerman berjaya menawan Poland, Denmark,Norway, Belanda,Belgium,Luxembourg dan Perancis<br>H1c Jerman menguasai hampir keseluruhan negara di Eropah Barat menjelang pertengahan tahun 1941<br>F2 Pengemboman Britain<br>H2a Jerman melancarkan serangan udara dan laut terhadap Britain pada bulan September 1940 sehingga bulan Jun 1941<br>H2b Jerman menyerang dan memusnahkan pelabuhan,kawasan perindustrian dan pertahanan udara Britain<br>H2c Serangan tersebut telah menjejaskan ekonomi Britain<br>F3 Penyertaan Itali dalam Perang di Eropah<br>H3a Itali dan sekutu Jerman mengisytiharkan perang terhadap Britain dan Perancis pada bulan Jun 1940<br>H3b Tentera Itali menyerang Perancis melalui arah selatan<br>H3c Tentera Jerman menyerang Perancis dari arah utara<br>F4 Serangan Jerman ke atas Rusia<br>H4a Jerman telah melancarkan Operasi Barbarossa, iaitu serangan besar-besaran untuk menawan Rusia.<br>H4b Hitler ingin menguasai Rusia, iaitu empayar terbesar di Eropah untuk mencapai cita-citanya menguasai seluruh Eropah. | <br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | H4c Operasi ini menyasarkan bandar utama di Rusia, iaitu Leningrad,Moscow dan Stalingrad | 1<br><br>[Mak. 8m] |
| **5c** | Cadangkan langkah untuk memastikan konflik dunia tidak berulang?<br><br>Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/terperinci<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br>- menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan/perbincangan<br>-menghentikan perlumbaan mencipta senjata/nuclear/bom atom yang boleh merosakkan keamanan dunia<br>- memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain<br>-mengamalkan sikap tolong-menolong@bantu-membantu<br>-contohnya negara yang dilanda musibah/bencana/kebuluran/kemiskinan<br>-Tsunami di Acheh/kebuluran di Afrika/kemiskinan di negara dunia ketiga<br>-sentiasa meningkatkan diri dengan ilmu dan kemahiran supaya setanding dengan negara maju<br>-pemimpin dan rakyat berfikiran matang dalam membuat sebarang bentuk keputusan@perbincangan<br>-bersikap terbuka dalam menerima pendapat orang lain<br>-mempertingkan hubungan diplomatik yang boleh mengeratkan hubungan persahabatan<br>-melalui hubungan dagangan dua hala/pertukaran teknologi/kepakaran aktiviti sukan dan pendidikan dan sebagainya<br>-mengadakan kempen kesedaran tentang resolusi keamanan dunia melalui media sosial/penulisan dan sebagainya.<br><br>Aras 3<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens<br>Jawapan mendalam<br>Komunikasi/pengolahan menarik<br><br>Contoh:<br><br>- menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan/perbincangan<br>-menghentikan perlumbaan mencipta senjata/nuclear/bom atom yang boleh merosakkan keamanan dunia<br>- memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain<br>-mengamalkan sikap tolong-menolong@bantu-membantu<br>-contohnya negara yang dilanda musibah/bencana/kebuluran/kemiskinan | <br><br><br><br>7-8<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>5-6 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | -Tsunami di Acheh/kebuluran di Afrika/kemiskinan di negara dunia ketiga<br>-sentiasa meningkatkan diri dengan ilmu dan kemahiran supaya setanding dengan negara maju<br><br>Aras 2<br><br>Pengetahuan dan pemahaman jelas<br>Jawapan kurang mendalam<br>Menyatakan hujah secara ringkas<br><br>Contoh:<br>- menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan/perbincangan<br>-menghentikan perlumbaan mencipta senjata/nuclear/bom atom yang boleh merosakkan keamanan dunia<br>- memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain<br>-mengamalkan sikap tolong-menolong@bantu-membantu<br>-contohnya negara yang dilanda musibah/bencana/kebuluran/kemiskinan<br><br>Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br>Jawapan secara umum<br><br>Contoh:<br>- menyelesaikan sebarang bentuk masalah di meja rundingan/perbincangan<br>-menghentikan perlumbaan mencipta senjata/nuclear/bom atom yang boleh merosakkan keamanan dunia<br>- memupuk semangat saling bekerjasama antara satu sama lain<br><br>[Mana-mana munasabah] | <br><br><br>3-4<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>1-2 |
| **6a** | Jelaskan usaha jawatankuasa tersebut untuk menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.<br><br>F1 Mencadangkan peralihan ke arah berkerajaan sendiri<br>H1 Memberikan pengalaman pilihan raya secara berperingkat<br>F2 Mengakui orang Melayu wajar mempunyai kedudukan istimewa<br>H2 Menunjukkan taat setia<br>F3 Mencadangkan penubuhan agensi<br>H3 Meningkatkan ekonomi dan pendidikanorang Melayu<br>F4 Memberi kewarganegaraan kepada kaum bukan Melayu<br>H4 Memupuk kerjasama dalam kalangan pcnduduk<br>F5 Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam<br>H5 Memupuk kesetiaan dan perpaduan kaum<br>F6 Membentuk persefahaman antara pemimpin kaum<br>H6 Melalui pendekatan muafakat dan bertoleransi | <br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Mak. 4m] |
| **6b** | Tindakan yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut dikatakan berjaya | |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | memberi kesan ke arah perpaduan, permuafakatan dan toleransi antara kaum. Buktikan pernyataan tersebut.<br><br>F1 Pilihan raya<br>H1a peringkat majlis bandaran/ majlis negeri<br>H1b Majlis Perundangan Persekutuan<br><br>F2 Kedudukan istimewa orang Melayu diperakui<br>H2 kepentingan sah kaum lain diiktiraf.<br>.<br>F3 Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)<br>H3a bantuan ekonomi dan kemajuan luar bandar<br>H3b tolak ansur kepada orang Melayu<br><br>F4 Syarat kewarganegaraan dilonggarkan<br>H4a memberikan kedudukan politik kepada kaum bukan Melayu.<br>H4b melahirkan semangat patriotik/ bertanggungjawab.<br><br>F5 Penubuhan jawatankuasa pendidikan<br>H5a mengkaji sistem pendidikan<br>H5b mewujudkan pendidikan yang seragam/ diterirna | <br><br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>[Mak. 8m] |
| **6c** | Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster di atas dan kesan terhadap negara jika perpaduan kaum berjaya dipertahankan.<br><br>Aras 4 (7-8 markah)<br>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas<br>Bukti/ contoh yang sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan sangat mendalam/terperinci<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>rakyat Malaysia perlu mengeratkan perpaduan kaum<br>Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum<br>Melayu/Cina/India/Kadazan/ Bidayuh/Iban/Dayak<br>setiap kaum mempunyai kepercayaan agama/ kebudayaan/ adat yang berbeza<br>Islam/Hindu/Buddha/Kristian/Animisme<br>sikap toleransi akan menyebabkan perpaduan dapat dikekalkan<br>situasi huru-hara akan wujud apabila rakyat tidak bersatu padu<br>mengancam kedaulatan dan kestabilan negara<br>usaha pemimpin selama ini akan musnah<br>menjaga keamanan negara menjadi tanggungjawab semua rakyat<br><br>Aras 3 (5-6 markah)<br>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas<br>Bukti/ contoh yang sesuai<br>Membuat inferens<br>Jawapan mendalam<br>Komunikasi/pengolahan menarik | |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | rakyat Malaysia perlu mengeratkan perpaduan kaum<br>Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum<br>Melayu/Cina/India/Kadazan/ Bidayuh/Iban/Dayak<br>setiap kaum mempunyai kepercayaan agama/ kebudayaan/ adat yang berbeza<br>situasi huru-hara akan wujud apabila rakyat tidak bersatu padu<br>mengancam kedaulatan dan kestabilan negara<br>menjaga keamanan negara menjadi tanggungjawab semua rakyat<br><br>Aras 2 (3-4 markah)<br>Pengetahuan dan pemahaman jelas<br>Jawapan kurang mendalam<br>Menyatakan hujah secara ringkas<br><br>rakyat Malaysia perlu mengeratkan perpaduan kaum<br>Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum<br>situasi huru-hara akan wujud apabila rakyat tidak bersatu padu<br>mengancam kedaulatan dan kestabilan negara<br><br>Aras 1 (1-2 markah)<br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br>Jawapan secara umum<br><br>rakyat Malaysia perlu mengeratkan perpaduan kaum<br>situasi huru-hara akan wujud apabila rakyat tidak bersatu padu | |
| **7a** | Jelaskan inti pati Perjanjian Malaysia.<br><br>F1 Tarikh pembentukan Malaysia adalah pada 31 Ogos 1963.<br>F2 Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia dengan Persekutuan Tanah Melayu.<br>F3 Kerajaan British akan mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia.<br>F4 Memberikan kelebihan kepada Sarawak dan Sabah menubuhkan kabinet negeri.<br>F5 Memperuntukkan tempoh masa peralihan dalam bidang pentadbiran awam/ pendidikan kepada Sarawak dan Sabah.<br>F6 Kerusi Parlimen diberikan kepada Singapura sebanyak 15 kerusi; Sarawak 24 kerusi; dan Sabah 16 kerusi.<br>F7 Penduduk bumiputera di Sarawak dan Sabah mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan. | <br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>[Mak. 4m] |
| **7b** | Terangkan peristiwa pengisytiharan Malaysia pada 16 September 1963.<br><br>F1 Istiadat pengisytiharan dijalankan serentak.<br>H1 di Kuala Lumpur, Sarawak dan Sabah. | <br><br>1<br>1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | F2 Sambutan di Kuala Lumpur.<br>H2a diadakan di Stadium Merdeka.<br>H2b YDPA membacakan pengisytiharan Malaysia<br>H2c di saksikan oleh PM/Tunku Abdul Rahman<br><br>F3 Sambutan di Sarawak<br>H3a Datuk Abang Haji Openg mengangkat sumpah jawatan Yang di-Pertua Negeri<br>H3b Khir Johari membacakan Pengisytiharan Malaysia Sarawak<br>H3c di Kuching, Sarawak<br>H3d dihadiri oleh anggota kabinet negeri<br><br>F4 Sambutan di Sabah<br>H4a Datu Mustapha Datu Harun mengumumkan Pengisytiharan Malaysia di Kota Kinabalu<br>H4c dan menandatangani surat sumpah sebagai Yang di-Pertua Negeri Sabah<br>H4d Tun Abdul Razak mewakil Kerajaan Persekutuan | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>[Mak. 6m] |
| **7c** | Iktibar pembentukan Malaysia<br><br>• Kita hendaklah membuat keputusan dengan bijak dalam menangani sesuatiu isu<br>• agar memulihkan hubungan yang tegang<br>• Pemimpin jangan mengambil tindakan secara terburu-buru<br>• supaya tidak merugikan rakyat kedua-dua negara<br>• Hubungan persaudaraan serantau mesti dipelihara<br>• Sentiasa mementingkan keselamatan rakyat<br>• Menjamin keamanan negara<br>• Perselisihan mesti diselesaikan secara diplomasi di meja rundingan<br>• Ketegangan tidak dbiarkan berpanjangan/perlu segera diselesaikan<br>• Mengganggu kestabilan ekonomi serantau<br>[Mana-mana jawapan munasabah] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Mak. 10m] |
| **8 (a)** | Nyatakan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat tersebut?<br><br>F1 Penglibatan aktif pihak swasta dalam ekonomi<br>F2 Pelaksanaan program penanaman semula<br>F3 Meningkatkan penggunaan sains dan teknologi<br>F4 Meningkatkan pemilikan saham bumiputera<br>F5 Memberi insentif/kemudahan Pendidikan<br>F6 Memberikan kemudahan Pendidikan tanpa mengira kaum<br>F7 Memajukan masyarakat miskin tanpa mengira kaum<br>F8 Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera<br>F9 Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif<br>F10 Menyediakan dan menaiktaraf kemudahan asas<br>F11 Melaksanakan pembagunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar | <br><br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | | [Mak. 6] |
| **8 (b)** | Jelaskan kejayaan dasar pembangunan nasional dalam aspek sosial. | |
| | F1 Penurunan kadar kemiskinan | 1 |
| | H1a mempelbagaikan kegiatan ekonomi membuka peluang pekerjaan | 1 |
| | H1b menambah pendapatan isi rumah | 1 |
| | H1c mendapatkan kemudahan awam dapat meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F2 Peningkatan kualiti hidup | 1 |
| | H2a peningkatan tahap kesihatan rakyat semakin baik | 1 |
| | H2b aspek pendidikan ditingkatkan | 1 |
| | H2c pemilikan barang keperluan asas | 1 |
| | H2d penyediaan infrastruktur meningkat | 1 |
| | C2 Hospital/klinik | 1 |
| | H2e meningkatkan kualiti dan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F3 Kemunculan golongan pertengahan | 1 |
| | H3a meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam | 1 |
| | pekerjaan di bandar | 1 |
| | H3b mewujudkan masyarakat baharu | 1 |
| | C3 profesional/pemodal/teknikal/pentadbiran dan pengurusan | 1 |
| | H3d menunjukkan dasar ekonomi kerajaan dan swasta memberi kesan kepada peningkatan taraf hidup rakyat | 1 |
| | F4 Masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera | |
| | H4a membentuk kelas bumiputer komersial | 1 |
| | H4b melibatkan diri dalam sektor koporat | |
| | H4a muncul tokoh bumiputera | 1 |
| | H4b bidang perbankan/pemodal saham/usahawan muda | 1 |
| | C4 Tan Sri azman Hashim/ Tan Sri Mohd Efendi Norwawi | 1 |
| | | 1 |
| | F5 Pembangunan Pendidikan | 1 |
| | H5a pertambahan institusi Pendidikan milik kerajaan / swasta | |
| | H5b muncul graduan bidang sains/teknologi/teknikal | 1 |
| | H5c memenuhi permintaan tinggi bidang perindustrian/kegiatan k-ekonomi | 1 |
| | H5d pembangunan Pendidikan tinggi membantu membaiki taraf hidup | 1 |
| | | 1 |
| | F5 Pengangkutan dan perhubungan | 1 |
| | H5a memenuhi keperluan perindustrian/perdagangan | |
| | C5 Jaringan jalan raya/pengangkutan udara/kereta api/ pelabuhan moden | 1 |
| | H5b Memudahkan proses integrasai antara Semenanjung Malaysia dengan | 1 |
| | Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F6 Perkembangan wilayah | 1 |
| | H6a kemunculan bandar baharu | |
| | C6 Felda Segi Tiga Jengka melahirkan bandar Tun Razak | |
| | H6b Dilengkapi pelbagai kemudahan | 1 |
| | C6b Pejabat pos/hospital/bank/institusi pendidikan | 1 |
| | H6c Pengoperasian kilang di kawsan perindustrian | 1 |
| | C6c Klilang Alps/ Kilng bimbingan Bank pembangunan bengkel kereta dan | 1 |
| | motor | 1 |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | | 1<br>1<br>[Mak. 6] |
| 8 ( c ) | Dasar Pembangunan Nasional dapat merealisasikan hasrat Malaysia untuk mencapai taraf negara maju<br><br>Buktikan.<br><br>F1 Perkembangan dalam bidang perindustrian berteknologi tinggi<br>H2a melibatkan penggunaan jentera moden/kemahiran tinggi/modal yang besar<br>C1 HICOM<br>F2 Pembangunan (R&D) membawa kepada pemodenan pertanian<br>F3 Kemajuan ekonomi juga membawa kepada perkembangan perindustrian<br>C3 Zon Perindustrian Pelabuhan Klang/Taman teknologi Perindustrian Kulim<br>H3a Dengan adanya kemajuan pengangkutan dan Komunikasi<br>C4 Koridor raya Multi Media/Cyber Jaya<br>F3 Pelaksanaan k-ekonomi juga membantu dalam perkembangan perindustrian.<br>F4 Perkembangan ICT yang seiring dengan kemajuan dalam bidang pendidikan<br>F5 Kemajuan dan pemodenan dalam bidang pertanian<br>C5 Bioteknologi/pertanian teknologi pintar-iklim<br>F6 Pembangunan insfrastruktur turut membawa kepada pembentukan bandar terancang<br>C6 Putrajaya, Cyberjaya dan Nusajaya<br>Mana-mana jawapan munasabah | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak 8] |
| 9a | Malaysia memberikan komitmen dan kerjasama yang penuh kepada PBB sejajar dengan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa iaitu "hidup bersama secara aman".<br>Jelaskan latarbelakang PBB<br><br>F1 Ditubuhkan pada tahun 1945<br>F2 ditubuhkan selepas Perang Dunia Kedua apabila Liga Bangsa dibubarkan setelah gagal menghalang berlakunya Perang Dunia Kedua.<br>F3 Matlamat mengekalkan kemanan dan kestabilan dunia, menggalakkan hubungan berbaik-baik antara negara anggota, bekerjasama dalam menyelesaikan masalah antarabangsa, melindungi hak asasi manusia tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit dan menjadi pusat bagi mengharmonikan tingdakan negara-negara anggota.<br>F4 Ibu pejabat di San Francisco<br>F5 Tahun 1946 berpindah ke New York<br>F6 Pada awal penubuhannya dianggotai oleh 51 buah negara | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak. 3m] |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| **9b** | Bagaimanakah Malaysia memberi komitmen dan kerjasama terhadap PBB?<br><br>F1 Mendukung Piagam PBB<br>H1a Menegakkan hak asasi manusia<br>H1b Menggariskan prinsip yang antaranya berkaitan dengan pencapaian taraf hidup dan hak asasi manusia untuk semua tanpa membezakan kaum, jantina, bahasa dan agama.<br>H1c Konsep hormat-mnghormati kedaulatan wilayah negara lain<br>H1d Tidak campurtangan dalam urusan hal ehwal negara lain<br><br>F2 Terlibat dengan agensi di bawah PBB<br>H2a Terlibat dengan United Nations of Educational, Scientific and Cultura; Organization UNESCO (Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) PBB<br>H2b Bekerjasama dengan Food and Agriculture Organization-FAO (Pertubuhan Makanan Sedunia) dalam bidang pengeluaran makanan serta<br>H2c Bekerjasama dengan World Health Organization- WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia) dalam bidang kesihatan dan perubatan.<br>H2d Memberi kebenaran kepada PBB untuk membuka pejabat United Nations High Commissioner for Refugees – UNHC (Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Pelarian) di Kuala Lumpur.<br>H2e Menyertai Majlis Keselamatan, badan penting di PBB.<br><br>F3 Memberi sumbangan untuk misi pengaman<br>H3a Memberikan sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran PBB di negara yang berkonflik.<br>H3b Antara misi pengaman yang disertai oleh Malaysia termasuklah di Congo, Namibia, Somalia, Bosnia dan Herzegovina, Kemboja (Cambodia), Timor Leste, Ethiopia dan Lubnan.<br>H3c Tugas pasukan pengaman ini antaranya termasuklah memastikan keselamatan penduduk, mengawasi gencatan senjata dalam perang saudara dan mendaulatkan undang-undang negara yang terlibat<br><br>F4 Misi pegawai pemerhati<br>H4a Malaysia turut terlibat dalam misi pegawai pemerhati di bawah PBB di negara yang berkonflik<br>C4a Bosnia dan Herzegovina, Iraq, Kemboja, Liberia, Congo, Namibia, Angola, Mozambique, Ethiopia dan Timor Leste.<br>F5 Tokoh Malaysia dalam Agensi PBB<br>H5a Pelibatan Malaysia bukan sekadar menyuarakan pandangan dalam forum dan persidangan PBB<br>H5b kejayaan yang dibawa oleh anak Malaysia dalam badan dunia tersebut<br>C5a Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood merupakan Doktor perubatan dan aktivitis kemanusiaan, Datuk Maimunah Mohd Sharif merupakan pejawat awam, Tan Sri Razali Ismail merupakan tokoh diplomat, Dr.Jomo Kwame Sundram merupakan ahli akademik dan Tan Sri Aboo Samah Aboo Bakar merupakan pegawai tentera. | <br><br>1<br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br>1<br><br><br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br><br><br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br><br><br><br>[Mak. 9m] |
| **9c** | Apakah mesej yang disampaikan dalam petikan tersebut dan mengapakah Malaysia mengutamakan isu keselamatan dunia? | |

| SOALAN | PERATURAN PEMARKAHAN | MARKAH |
|---|---|---|
| | Mesej yang disampaikan:<br>F1 Malaysia antara negara penyumbang terbesar dalam Misi Pengaman PBB, iaitu berada di tangga ke-26 daripada 119 negara.<br>F2 Malaysia juga antara negara konsisten memperjuangkan pelucutan dan pengharaman senjata pemusnah besar-besaran, termasuk senjata nuklear.<br>F3 Dalam soal hak asasi manusia, Malaysia negara paling tegas menyokong perjuangan rakyat Palestin untuk memiliki negara merdeka dan berdaulat dengan Baitulmaqdis sebagai ibu negara.<br>F4 Malaysia juga konsisten mengutuk sekeras-kerasnya perancangan terbaru Israel untuk mengilhakan sebahagian wilayah Tebing Barat, termasuk Lembah Jordan.<br>F5 Malaysia antara negara peneraju bagi pembentangan Resolusi 2334 Majlis Keselamatan yang menjadi satu-satunya resolusi penempatan haram Israel diluluskan Majlis Keselamatan PBB dalam tempoh 36 tahun.<br><br>Mengapakah Malaysia mengutamakan isu keselamatan dunia<br>F6 Bagi menjaga kepentingan, keamanan dan keselamatan sesebuah negara jadi hubungan baik dengan negara lain perlu dijaga.<br>F7 Selaras dengan dasar luar Malaysia iaitu memupuk hubungan baik dengan negara luar.<br>F8 Mengekalkan keamanan dan kestabilan serantau<br>F9 Kebanyakan negara bergantung antara satu sama lain dalam pelbagai aspek seperti politik, ekonomi, teknologi dan keselamatan.<br>F10 Mengelakkan berlakunya peperangan.<br>[Mana-mana munasabah] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Mak. 8m] |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**